

## Analisis Retorik Penghujahan Sejarah Tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam Media atas Talian Filipina Semasa Era Presiden Rodrigo Duterte, 2016-2022

### *Analysis of Rhetorical Arguments on the History of Philippines claim over Sabah in Philippines' Local Online Media, 2016-2022*

NORIZAN KADIR

#### ABSTRAK

Filipina telah melaksanakan polisi tuntutan dorman dan memilih untuk mengabaikan isu tuntutan ke atas Sabah lebih dua dekad. Namun, dalam tempoh tersebut pelbagai provokasi telah ditimbulkan oleh pengamal media tempatan dan ahli politik Filipina bagi menghidupkan kembali tuntutan ke atas Sabah menerusi pelbagai saluran media. Justeru, kajian sejarah ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan semasa tuntutan dengan meneliti laporan-laporan media atas talian Filipina serta retorik penghujahan yang digunakan bagi menghidupkan kembali tuntutan ke atas Sabah. Kajian ini merupakan kajian sejarah yang menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis sumber-sumber primer seperti artikel akhbar, dokumen perjanjian, rekod-rekod kolonial British serta sumber sekunder. Skop kajian tertumpu kepada analisis retorik penghujahan tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam media atas talian Filipina khususnya ketika era pentadbiran Presiden Rodrigo Duterte (2016-2022). Pertikaian mengenai Sabah tersebar luas menerusi saluran media atas talian serta platform tidak rasmi seperti media sosial. Dapatan awal kajian ini mendapati, pengamal media menyebarkan pelbagai mesej dan keterangan palsu mengenai isu Sabah dengan tujuan membangkitkan memori kolektif dan mempengaruhi pandangan sejarah tuntutan terhadap Sabah. Terutamanya semasa pentadbiran Presiden Diosdado Macapagal dan Presiden Ferdinand Marcos, pemimpin politik Filipina turut menggalakkan penggunaan istilah tertentu untuk mencipta naratif yang menekankan bahawa Sabah masih milik Filipina tetapi telah “dirampas” oleh pihak British dan kemudian Persekutuan Tanah Melayu. Kajian ini signifikan kerana ia menunjukkan bahawa penggunaan media sosial dan akhbar atas talian yang lebih mudah diakses dan mempunyai rangkaian yang lebih meluas telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh diplomat dan pemimpin tertinggi Filipina bagi mempertikaikan kedaulatan Malaysia ke atas Sabah sekali gus mencetuskan propaganda ke arah menuntut kembali Sabah.

*Kata kunci:* Memori kolektif; propaganda; provokasi; retorik penghujahan; sejarah tuntutan Filipina; tuntutan dorman

#### ABSTRACT

The Philippines has implemented a policy of dormant claims and chosen to disregard the issue of claims over Sabah for over two decades. However, during this period, various provocations have been stirred up by local media practitioners and Filipino politicians to revive claims over Sabah through various media channels. Thus, this historical research was conducted to analyze the current development of the claim by examining the Philippines' online media reports and argumentative rhetoric used to revive claims on Sabah. This study is a historical research that employs qualitative methods by analyzing primary sources such as newspaper articles, treaty documents, British colonial records, and secondary sources. The scope of the study is focused on analyzing the rhetoric of the Filipino claims over Sabah in online Filipino media especially during the administration of President Rodrigo Duterte (2016-2022). The dispute over Sabah has widely disseminated through online media channels and informal platforms such as social media. Media practitioners disseminate various messages and false information regarding the Sabah issue with the aim of revitalizing collective memory and influencing historical perspectives on the claim to Sabah. Particularly during the administrations of Presidents Diosdado Macapagal and Ferdinand Marcos, Filipino political leaders also encourage the use of specific terminologies to create a narrative emphasizing that Sabah still belongs to the Philippines but has been “seized” by the British and subsequently the Federation of Malaya. This study is significant as it demonstrates that the extensive utilization of social media and easily accessible online newspapers has been fully exploited by Filipino diplomats and top leaders to challenge Malaysia's sovereignty over Sabah, thereby fueling propaganda aimed at reclaiming Sabah.

*Keywords:* Argumentative rhetoric; collective memory; dormant claim; history of Philippines claim; propaganda; provocation

## PENGENALAN

Penggunaan teknologi dan media atas talian seperti media sosial pada abad ke-21 ini seringkali dilihat memberikan faedah yang amat besar terhadap proses kemajuan dan pemodenan. Ia dilihat sebagai aplikasi dan teknologi yang banyak memudahkan urusan manusia dalam kehidupan seharian serta dalam aspek pentadbiran dan pengurusan. Segala mesej dan berita disampaikan dengan lebih mudah dan pantas melangkaui sempadan geografi dan wilayah. Namun, dalam masa yang sama, ia juga boleh membawa kesan buruk yang lebih besar terhadap tadbir urus negara termasuklah dalam konteks hubungan antarabangsa dan pertikaian wilayah. Jika dahulu, sebarang masalah dan isu pertikaian yang dipropagandakan hanya berlaku dalam persekitaran media yang terbatas iaitu menerusi laporan di dalam surat akhbar bercetak, televisyen dan radio. Namun, pada hari ini, sebarang isu dan pertikaian telah menjadi semakin luas liputannya menerusi kewujudan media atas talian termasuklah akhbar atas talian, media sosial seperti seperti *Twitter*, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Dalam abad ke-21 ini, hubungan diplomatik antara negara boleh dijernihkan dan juga boleh dikeruhkan dengan begitu cepat menerusi penggunaan media sosial tanpa batasan. Ditambah pula dengan prinsip kebebasan bersuara yang diamalkan dalam masyarakat dunia yang berpegang kepada idea liberalisme, maka pertikaian dan pergaduhan semakin sukar untuk dikawal. Tidak terkecuali, berita-berita palsu yang disebarkan dengan begitu mudah dan mendapat liputan meluas.

Antara impak ketara yang berlaku berikutan daripada perkembangan dan kemajuan dalam teknologi komunikasi tersebut terhadap hubungan diplomatik ialah berkaitan konflik antara Filipina dan Malaysia iaitu isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Hal ini demikian kerana, isu pertikaian ke atas Sabah sentiasa tidak menentu meskipun Filipina pernah beberapa kali mengambil tindakan untuk menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Filipina pada akhirnya telah mengabaikan polisi tuntutan tersebut dengan melaksanakan pendekatan tuntutan dorman (*dormant claim*) atau penangguhan sementara ketika di era pentadbiran Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos (Kadir, 2016). Dalam situasi tuntutan dorman tersebut, Filipina pada bila-bila masa boleh menyambung semula tuntutannya ke atas Sabah bergantung kepada masa dan peluang yang sesuai. Keadaan tersebut juga

merupakan sebahagian daripada polisi yang samar (*deliberate ambiguity*) Filipina bagi mengeneipkan isu Sabah yang menjadi duri dalam daging dalam hubungan luar Filipina-Malaysia, demi memfokuskan kepada kerjasama sosioekonomi yang lebih signifikan dengan kerajaan Malaysia. Pendekatan ini lebih disokong oleh sebahagian besar ahli politik Filipina khususnya daripada legasi kepimpinan “dua Aquino” iaitu ketika era pentadbiran Presiden Corazon Aquino dan anaknya, Presiden Benigno Aquino III. Mereka tidak lagi melihat adanya keperluan meneruskan tuntutan ke atas Sabah. Sebaliknya, mereka berpendapat bahawa kerjasama ekonomi dengan Malaysia adalah lebih penting dan lebih menguntungkan Filipina. Lebih-lebih lagi ramai rakyat Filipina yang bekerja di Malaysia.

Berdasarkan perkembangan turun naik isu tuntutan ke atas Sabah sejak polisi tuntutan dorman dilaksanakan, isu Sabah dilihat sangat tidak menentu kerana penduduk Filipina khususnya pengamal media tempatan dan ahli politik Filipina bebas untuk membahaskan dan mencetuskan provokasi berkaitan isu tuntutan ke atas Sabah atau dengan kata lain menghidupkan kembali tuntutan Filipina ke atas Sabah. Antara saluran utama yang digunakan bagi membangkitkan memori sejarah tuntutan tersebut ialah melalui akhbar dan media arus perdana. Berdasarkan perkembangan mutakhir ini, akhbar atas talian, media sosial dan media alternatif telah menjadi wadah atau platform terbaharu dalam menyebarkan propaganda tersebut. Dalam konteks ini juga, kejayaan terbesar yang berjaya dicapai dalam gerakan propaganda untuk menghidupkan tuntutan secara rasmi ke atas Sabah menerusi saluran media massa ialah ketika era di pentadbiran Presiden Diosdado Macapagal. Ketika zaman pentadbiran beliau, gerakan propaganda besar-besaran telah dilakukan oleh pengamal media tempatan Filipina khususnya menerusi penerbitan artikel-artikel berkaitan (Borneo Utara) Sabah di surat khabar Filipina termasuklah lukisan kartun yang menjadi medium paling efektif dalam penyebaran propaganda (Quintos, 1968; Loo, 1997).

Dalam konteks semasa berkaitan isu tuntutan tersebut, pertikaian antara Filipina dan Malaysia mengenai isu Sabah kembali menghiasi akhbar dan media atas talian apabila Setiausaha Hubungan Luar Filipina, Teodoro Locsin, Jr. memberikan respons terhadap mesej *Twitter* Duta Amerika Syarikat di Filipina (Manila), yang dalam catatannya menyebutkan, “@usaid\_manila donated 500

hygiene kits to the @dswdserves Region IX for use by returning Filipino repatriates from Sabah, Malaysia who arrived in Zamboanga City and Bongao, Tawi Tawi” (PhilStar, 2020). Locsin membalas mesej *Twitter* tersebut pada 27 Julai 2020 dengan menyatakan “Sabah is not in Malaysia if you want to have anything to do with the Philippines” (PhilStar, 2020). Locsin yang terkenal sebagai diplomat Filipina yang tidak asing lagi dalam pelbagai isu kontroversi kerana sering memberi pandangan peribadinya di media sosial turut mendesak duta Amerika agar segera menyunting mesej tersebut. Beliau turut membuat aduan kepada Setiausaha Kerajaan Amerika Syarikat, Michael Pompeo mengenai mesej *Twitter* oleh Duta Amerika tersebut (PhilStar, 2020).

Kerajaan Malaysia melalui respons tidak rasmi oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Hishammuddin Hussein telah membalas mesej *Twitter* tersebut pada 29 Julai 2020 dengan menyifatkan kenyataan Locsin sebagai “This is an irresponsible statement that affects bilateral ties” (PhilStar, 2020). Hakikat bahawa Filipina masih belum menggugurkan tuntutan ke atas Sabah merupakan satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak. Namun, kenyataan tersebut tidak dapat menidakkan hakikat lain bahawa kerajaan Filipina ketika di era Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos telah mengambil pelbagai langkah signifikan untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dan inisiatif tersebut dilakukan tanpa mendapat apa-apa ganjaran atau tawaran tunai daripada kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, kedua-dua presiden tersebut gagal dalam usaha mereka mendapatkan sokongan majoriti ahli Dewan Senat agar menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Bermula daripada fasa tersebut, polisi tuntutan Filipina ke atas Sabah telah berubah kepada polisi tuntutan dorman dan *backburner*. Hal ini bermaksud, Filipina masih belum menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan dalam masa yang sama tidak lagi menuntut Sabah secara rasmi (Manila Bulletin, 1998; Philippines Daily Inquirer, 1998).

Pendekatan dan polisi yang sama diteruskan oleh presiden-presiden seterusnya meskipun kadangkala masih terdapat pelbagai desakan yang ditimbulkan oleh sebahagian ahli politik, pengamal media dan undang-undang Filipina serta waris-warisan Sultan Sulu agar menyambung kembali tuntutan ke atas Sabah. Isu tuntutan Filipina ke atas Sabah jelasnya “tenggelam timbul” berikutan daripada pengaruh dan

peranan media tempatan Filipina yang cuba menghidupkan kembali isu tuntutan tersebut. Situasi ini boleh dilihat menerusi penulisan rasmi dan tidak rasmi yang dikongsikan di dalam media atas talian yang bertujuan untuk menimbulkan provokasi dan propaganda berkaitan isu Sabah. Justeru, kajian ini akan menganalisis retorik penghujahan sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam media atas talian Filipina ketika era pentadbiran Presiden Rodrigo Duterte.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian sejarah yang menggunakan pendekatan kualitatif dalam menganalisis dokumen dan rekod sejarah. Berdasarkan fakta dan sumber sejarah yang berautoriti, penulis menganalisis maklumat dan keterangan sejarah yang disebarkan oleh diplomat, pegawai-pegawai tertinggi kerajaan Filipina, peguam serta pengamal media tempatan Filipina berkaitan tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Penelitian yang mendalam terhadap dokumen sejarah dengan mengambil kira sistem nilai dan kebudayaan pada waktu itu adalah sangat mustahak bagi mengelakkan berlakunya anakronisme sekali gus menyebabkan dokumen perjanjian itu dibaca dan ditafsirkan secara tidak tepat atau menyeleweng. Hal ini selaras dengan kenyataan Robson (1971), “each work has to be seen as a product of certain place and time (very different from ours) and hence, as an expression of the interest & pre-occupation of the people of that place & time, their works of literary art, for example, are deserving of our attention in their own right...”. Analisis terhadap dokumen lama ini juga turut mengambil kira keseimbangan antara teks dan konteks atau amalan semasa perjanjian tersebut ditulis.

Bagi memastikan kesahihan sesuatu fakta atau hujah yang dikemukakan oleh diplomat dan pegawai kerajaan Filipina dalam media tempatan, penulis telah merujuk kepada sumber dan dokumen asal yang menyentuh tentang perkara tersebut sekaligus membuat kritikan dalaman serta luaran terhadap dokumen tersebut. Kritikan dalaman terhadap sumber yang diperoleh sangat penting bagi mengelakkan penggunaan sumber yang tidak sah dan tidak berautoriti. Kritikan luaran pula dilakukan dalam aspek bahasa dan rujukan silang daripada pelbagai arkib bagi mengenal pasti keaslian sesuatu

sumber tersebut. Berdasarkan penelitian terhadap dokumen-dokumen sejarah tersebut, penulis telah membuat analisis terhadap kenyataan-kenyataan yang dikemukakan oleh diplomat dan pengamal media tempatan Filipina mengenai isu kedaulatan dan tuntutan ke atas Sabah.

Selain perbandingan berasaskan dokumen-dokumen perjanjian penyerahan yang wujud pada zaman tradisional, kajian ini turut membuat perbandingan dan pentafsiran yang teliti terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang lain iaitu berdasarkan rekod-rekod British, Amerika, Filipina dan Persekutuan Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia). Antara sumber primer yang digunakan dalam kajian ini termasuklah laporan, akta, dokumen perjanjian, surat-menyurat, keratan akhbar dan lain-lain. Sebagai perbandingan, kajian ini turut merujuk sumber-sumber dari Filipina termasuklah dokumen yang mengandungi siri perjanjian antara Borneo Utara (Sabah) dengan Sultan Sulu, laporan dan triti perjanjian dalam *Philippine Claims to North Borneo (Volume 1 & II)*, *Official Gazette*, Perlembagaan Filipina, akta dan bil senat dan lain-lain. Rujukan yang ekstensif juga dilakukan ke atas rekod-rekod British seperti *Colonial Office (CO)*, *Foreign Office (FO)*, *Foreign and Commonwealth Office (FCO)* dan *Dominion Office (DO)*. Sumber-sumber sekunder pula termasuklah buku, jurnal, artikel, tesis dan bahan-bahan lain yang berautoriti.

## KERANGKA TEORI

Diplomasi awam tidak hanya menjadi satu pendekatan yang amat penting bagi membolehkan para diplomat daripada negara berbeza saling berhubung antara satu sama lain. Lebih utama lagi, ia merupakan mekanisme dasar luar yang menumpukan kepada penglibatan diplomatik dengan orang awam lain sekaligus digunakan bagi memujuk dan mempengaruhi khalayak asing agar menerima agenda negara tersebut (Duncombe, 2017). Diplomasi berfungsi sebagai satu bentuk rundingan dan kerjasama antara negara bagi mencapai objektif atau penyelesaian tertentu. Diplomasi awam juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan kepentingan negara, mengurus imej negara, dan mendukung agenda luar negara sesebuah negara.

Satu mekanisme penting digunakan bagi mencapai matlamat diplomasi awam adalah menerusi penggunaan diplomasi digital seperti media sosial kontemporari iaitu *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram*. Penggunaan secara efektif digital

diplomasi ini boleh memberikan manfaat yang besar terhadap pengukuhan polisi luar sesebuah negara dan dalam masa yang sama turut membuka ruang kepada pelbagai kemungkinan dan risiko jika tidak diuruskan dengan baik (Bjola dan Holmes, 2015). Penggunaan media sosial sebagai medium komunikasi oleh wakil-wakil kerajaan untuk mengukuhkan diplomasi awam mereka tidak hanya tertumpu kepada aspek-aspek polisi luar yang dapat mewujudkan kerjasama dan keharmonian dengan negara lain, tetapi juga boleh menimbulkan konflik dan mewujudkan halangan dalam diplomasi dengan negara-negara lain (Gilboa, 2000; Naveh, 2002).

Penggunaan aplikasi *Twitter* umpamanya merupakan sebahagian daripada strategi perundingan yang penting bagi sesebuah negara dalam mendapatkan pengiktirafan dan kelebihan politik menerusi saluran media sosial (Duncombe, 2017). Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan di media sosial termasuklah pandangan dan hujah sejarah dapat menonjolkan identiti dan pendirian negara tersebut sekaligus mempengaruhi masyarakat awam. Kenyataan yang dibuat di *Twitter* oleh diplomat sesebuah negara misalnya akan mewujudkan perbezaan agenda politik yang merupakan sebahagian daripada perjuangan untuk mendapatkan pengiktirafan (Duncombe, 2017).

'Diplomasi *Twitter*' juga tidak sesuai apabila negara terlibat dalam konflik peringkat rendah yang berterusan (Archetti, 2012). Dalam situasi ini, diplomasi menerusi media perlu dilakukan dengan penuh tenang dan berhati-hati dalam menghadapi propaganda yang ditimbulkan oleh negara tertentu (Archetti, 2012). Penggunaan retorik dalam penghujahan sejarah khususnya kadangkala bersifat keterlaluan kerana diplomat dan pengamal media lebih cenderung untuk mempengaruhi masyarakat di negaranya dan negara luar agar menerima dan mengiktiraf kepentingan negara mereka. Keadaan ini menyebabkan sebahagian kenyataan dan status yang ditulis adalah berdasarkan fakta dan rujukan yang salah atau kurang tepat.

Meskipun perkembangan diplomasi kontemporari lebih banyak mendorong golongan diplomat dan pemimpin politik terdedah dengan komunikasi di media sosial, namun kebiasaannya mereka tidak mempunyai masa yang banyak untuk meneliti satu persatu maklumat yang dimuatnaik dalam platform tersebut (Seib, 2012). Keadaan ini boleh mengakibatkan kenyataan atau status yang belum disahkan kebenarannya terus dikongsikan oleh para pengguna media sosial

yang lain dan menimbulkan pertikaian antara dua negara yang pernah berhadapan dengan konflik pertikaian wilayah. Liputan mengenai perkara tersebut seterusnya diperluaskan lagi ke media-media rasmi atas talian seperti akhbar dan majalah yang cuba membingkaikan isu dan permasalahan tersebut dalam kerangka arus perdana sehingga ia mula mendapatkan perhatian daripada pemegang taruh yang lebih pelbagai. Keadaan inilah yang kemudiannya mencetuskan gerakan propaganda secara besar-besaran oleh sesebuah negara bagi mendesak supaya permintaan mereka dipenuhi oleh negara yang dimusuhi berkaitan isu-isu tertentu.

### KAJIAN LITERATUR

Antara kekurangan dalam kajian isu tuntutan Filipina ke atas Sabah selepas polisi tuntutan secara rasmi ke atas Sabah diabaikan oleh kerajaan Filipina ialah penelitian terhadap penggunaan media atas talian dalam menyebarkan dan mengukuhkan retorik penghujahan tuntutan ke atas Sabah oleh media Filipina. Meskipun Filipina tidak lagi menuntut Sabah secara rasmi, namun usaha-usaha ke arah meluaskan dan memperbanyakkan penulisan tentang isu Sabah dalam media atas talian terus dipergiatkan bagi mengukuhkan naratif Filipina terhadap tuntutan tersebut. Dalam jangka masa panjang, ia akan terus dirujuk dan digunakan oleh para pengkaji dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Kajian literatur mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak bermula dengan tuntutan rasmi Filipina pada tahun 1962 namun naratifnya bermula sejak dari zaman Kesultanan Sulu lagi sebagai sebuah kerajaan tradisional yang mentadbir beberapa wilayah di Borneo Utara. Walaupun terdapat banyak kajian tentang Kesultanan Sulu, namun kajian terdahulu kebanyakannya lebih memberikan tumpuan kepada kedaulatan wilayah Kesultanan Sulu di Kepulauan Sulu. Walau bagaimanapun, karya penting Nicholas Tarling yang bertajuk "*Sulu and Sabah, A Study of British Policy towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century*" muncul sebagai sumbangan yang penting dalam memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pengaruh Sulu di Borneo Utara. Analisis Tarling meneliti landskap politik dan pentadbiran yang rumit di Sabah dari akhir abad ke-18 hingga abad ke-19. Beliau khususnya menerangkan landskap sosio-politik di Kepulauan Sulu selepas penjajahan Sepanyol (Tarling, 1978). Tarling yang secara teliti mengkaji isu Perjanjian

Penyerahan 1878 dan tuntutan Filipina ke atas Sabah, dengan tegas menyatakan bahawa tuntutan tersebut tidak memiliki asas yang kukuh.

Antara karya seminal lain dalam konteks ini ialah penulisan D. S. Ranjit Singh yang bertajuk "*The Making of Sabah 1865-1941*." Ia mengkaji tahun-tahun awal pembentukan Borneo Utara (Sabah) di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Analisis Ranjit Singh merangkumi pentadbiran yang dilaksanakan oleh Kesultanan Brunei dan Sulu ke atas Borneo Utara. Penulisan turut menerangkan bagaimana SBUB mentadbir Borneo Utara dan penglibatan komuniti pribumi dalam pentadbiran, menunjukkan dominasi syarikat ke atas kedaulatan Borneo Utara tanpa campur tangan luar. Satu aspek menarik dalam naratif Ranjit Singh adalah penerokaannya mengenai kerjasama dan penyertaan aktif pemimpin-pemimpin Suluk dalam pentadbiran SBUB. Pada mulanya syarikat menghadapi tentangan daripada beberapa pemimpin tempatan kerana dasar ekonomi syarikat yang merampas kawalan mereka terhadap sumber-sumber tempatan, tentangan ini bukanlah berasaskan perjuangan untuk mendapatkan semula kedaulatan Borneo Utara tetapi lebih kepada kepentingan ekonomi (Ranjit Singh, 2003). Walau bagaimanapun, penulisan tersebut tidak menyentuh isu tuntutan Filipina ke atas Sabah secara mendalam dan pertikaian yang timbul selepas 1941.

Disertasi Sarjana Undang-Undang Antarabangsa Mohd Arif Othman yang diterbitkan bertajuk "Tuntutan Filipina ke atas Sabah, Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik" turut dijadikan rujukan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Buku ini membahaskan dengan terperinci dokumen-dokumen perjanjian dan triti yang melibatkan Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia dalam konteks perundangan. Selain itu, penulisan lain yang turut membincangkan polisi luar Filipina terhadap Sabah adalah tulisan Lela Garner Noble bertajuk "*Philippine Policy toward Sabah: A Claim to Independence*." Tesis utama perbincangan Noble adalah mengenai pembentukan polisi Filipina terhadap Sabah yang banyak dipengaruhi oleh faktor dialektika menerusi pertentangan-pertentangan persepsi, pandangan dan hujah antara pemimpin dan rakyat Filipina dengan polisi Britain dan Malaysia. Meskipun perbincangan beliau turut menyentuh mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah di era pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos, namun amat sedikit sekali perbincangan mengenainya dibuat (Kadir, 2016).

Analisis mengenai liputan media terhadap isu pertikaian ke atas Sabah kurang diberikan perhatian. Namun, analisis terawal yang pernah dilakukan mengenai akhbar-akhbar bercetak Filipina yang memaparkan isu pertikaian ke atas Sabah ialah kajian Nestor Martinez Nisperos dalam tesis Doktor Falsafahnya bertajuk "*Philippine Foreign Policy on the North Borneo Question*" yang diterbitkan pada tahun 1969. Persoalan utama yang cuba diketengahkan oleh Nisperos adalah sejauh mana kedinamikan politik Filipina memberi kesan terhadap pembentukan dasar luar Filipina. Namun begitu, skop kajiannya terhad dari tahun 1962-1965 iaitu isu tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara ketika era pentadbiran Presiden Macapagal sahaja, justeru tidak memberikan gambaran keseluruhan perkembangan tuntutan serta kesinambungan tuntutan pasca pentadbiran Presiden Macapagal.

#### LATAR BELAKANG SEJARAH DAN DESAKAN KE ARAH MENUNTUT KEMBALI SABAH

Memori kolektif mengenai sejarah isu tuntutan Filipina masih terus segar dalam ingatan penduduk Filipina meskipun setelah hampir enam dekad tuntutan rasmi ke atas Sabah dikemukakan oleh Republik Filipina. Dalam tempoh tersebut, pelbagai kaedah dan pendekatan diambil oleh ahli politik dan pengamal media tempatan Filipina bagi mencetuskan gerakan massa untuk menuntut kembali Sabah setelah ia gagal direalisasikan ketika era pentadbiran Presiden Diosdado Macapagal dan Presiden Ferdinand Marcos. Antaranya termasuklah dengan menggerakkan propaganda menerusi penulisan di akhbar, majalah dan saluran rasmi serta tidak rasmi yang lain. Dalam konteks ini, pihak-pihak yang berkepentingan tersebut telah menguar-uarkan naratif sejarah yang berat sebelah, memalsukan fakta sejarah serta memberikan gambaran yang buruk terhadap kerajaan Malaysia.

Pertikaian ke atas Sabah hanya timbul ketika Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia pada tahun 1961. Sebelum itu, pertikaian mengenai Borneo Utara (Sabah) hanya membabitkan waris-waris Sultan Sulu yang menuntut supaya ditambahkan lagi bayaran tahunan yang berjumlah \$5,300 dan selanjutnya ingin mendapatkan kembali wilayah di bahagian timur Borneo Utara yang telah diberikan kepada Gustavus Baron von Overbeck. Terdahulu, iaitu pada tahun 1704, Sultan Brunei, Sultan Muhyiddin

telah berjanji untuk menyerahkan wilayah dari utara hingga ke barat Kimanis kepada Sultan Sulu sebagai hadiah jika beliau membantunya menewaskan Sultan Abdul Mubin dalam perang saudara di Brunei (Dalrymple, 1774; Low, 1880). Meskipun tiada bukti yang menunjukkan bantuan ketenteraan tersebut diberikan oleh Sultan Sulu, namun wilayah-wilayah tersebut tetap diambil alih oleh Sultan Sulu. Yang di Pertua Brunei dan Salasilah Pangeran Kasuma menafikan dakwaan bahawa Sultan Brunei telah mendapat bantuan daripada pihak Sulu. Menurut rekod tersebut, sememangnya wujud perjanjian di antara Sultan Muhyiddin dan Batara Sulu, namun pihak Sultan Sulu gagal untuk menunaikan janji-janji yang telah dipersetujui tersebut. Ketika berlakunya serangan oleh pengikut Sultan Abdul Mubin, pihak Sulu tidak turun membantu Sultan Muhyiddin tetapi melarikan diri dengan membawa bersama-sama senjata diraja iaitu Si Membung dan Raja Andei (Low, 1880).

Meskipun demikian, suara desakan waris-waris Sultan Sulu yang menuntut agar pihak British menaikkan bayaran tahunan lama-kelamaan berkembang dan berubah kepada permintaan untuk menuntut seluruh Borneo Utara. Desakan tersebut bagaimanapun sama sekali tidak dilayan oleh pihak British (*Crown Colony*) pada ketika itu. Malahan, kerajaan Filipina sendiri enggan melayan permintaan waris-waris Sultan Sulu yang telah dihapuskan institusi kesultannya setelah kematian Sultan Sulu yang terakhir iaitu Sultan Jamalul Kiram II pada 7 Jun 1936. Mulai tahun tersebut, kerajaan Filipina memutuskan untuk tidak lagi mengiktiraf Kesultanan Sulu dan mana-mana individu yang mengaku dirinya sebagai sultan. Meskipun secara rasminya kerajaan Filipina sama sekali tidak melayan tuntutan waris-waris Sultan Sulu untuk menuntut Borneo Utara sebelum tahun 1962, namun terdapat beberapa orang ahli politik Filipina khususnya Diosdado Macapagal yang amat berminat dengan kes tuntutan tersebut. Sejak tahun 1950 lagi Macapagal telah mengetuai penyelidikan mengenai wilayah yang diserahkan oleh Sultan Sulu kepada Overbeck.

Setelah pelantikan Macapagal dan kemudiannya Ferdinand Marcos sebagai presiden Filipina, pelbagai usaha telah diambil bagi menuntut Sabah. Hal ini termasuklah tindakan-tindakan unilateral yang diambil oleh kerajaan Filipina apabila usaha untuk mendapatkan Sabah menerusi saluran rasmi dan diplomasi tidak berhasil. Tindakan memasukkan Sabah ke dalam garisan sempadan maritim Filipina

bukanlah satu perkara baharu. Langkah tersebut telah diambil oleh presiden-presiden sebelumnya termasuklah ketika di bawah pentadbiran Presiden Marcos dan Presiden Gloria Macapagal Arroyo pada tahun 2009. Meskipun terdapat ramai imigran Filipina yang berada di Malaysia khususnya di Sabah sehingga menimbulkan pelbagai isu diplomatik, Filipina sehingga kini masih belum menubuhkan pejabat konsulatnya di Sabah. Hal ini berikutan daripada kebimbangan Filipina, jika pejabat konsulat tersebut ditubuhkan di Sabah, ia boleh mendatangkan prejudis terhadap kes tuntutannya ke atas Sabah (*Manila Bulletin*, 2019). Penubuhan pejabat konsulat itu boleh memberikan konotasi yang negatif dan bercanggah dengan dakwaan Filipina bahawa kedaulatan Sabah masih kekal di berada di bawah kerajaannya. Malah, ahli perwakilan Filipina menganggap rancangan penubuhan pejabat konsulat di Sabah merupakan satu bentuk pengkhianatan terhadap negara (*Manila Bulletin*, 2019). Walau bagaimanapun, kerajaan Filipina tetap mengambil langkah berterusan bagi memastikan kebajikan rakyatnya di Sabah terus terjamin. Semenjak pelantikan Rodrigo Duterte sebagai Presiden Filipina yang baru menggantikan Presiden Benigno Aquino III, beliau telah menegaskan pendiriannya untuk menuntut kembali Sabah sepertimana janji yang dibuat ketika pilihan raya presiden. Walau bagaimanapun, pendiriannya itu tidak disusuli oleh apa-apa pengumuman rasmi untuk menuntut Sabah sekaligus menimbulkan tanda tanya dalam kalangan rakyatnya mengenai kejujuran dan keberanian Duterte menunaikan janjinya.

Keadaan ini telah mendorong ahli politik dan pengamal media tempatan menggunakan media atas talian dan media sosial sebagai medium untuk membangkitkan kembali semangat menuntut Sabah. Pertikaian mengenai tuntutan wilayah di media sosial yang merupakan satu fenomena baharu abad ke-21 yang tidak lagi dapat dikawal oleh mana-mana institusi. Pemimpin politik dan pengamal media bebas menulis apa-apa sahaja yang dirasakan sesuai dan memenuhi kepentingan politik mereka. Hal ini bagaimanapun menjadi satu kelebihan kepada dunia persuratkhabaran dan kewartawanan khususnya apabila isu-isu yang dahulunya bersifat rahsia kini dengan mudah didapati di ruang media massa menerusi maklumat yang disampaikan sendiri oleh pelaku-pelaku utama dalam politik hubungan luar dalam media sosial (Wetzstein, 2010).

Setelah Menteri Luar Malaysia, Dato Seri Hishamuddin Hussein membantah tindakan

Teodoro Locsin Jr. yang memuatnaik mesej *Twitter* yang mendakwa Sabah sebagai milik Filipina pada 29 Julai 2020, Locsin kemudiannya menegaskan, “No country can tell another what it can and cannot say about what the latter regards as rightfully its own. I don’t insist China say only what we want to hear about the Arbitral Award. It is free to say what it wants while we say and do what needs doing. That holds for Sabah”. Lanjutan daripada provokasi tersebut, wartawan dan pengamal media Filipina semakin rancak menulis dan menerbitkan artikel berkaitan tuntutan ke atas Sabah sehingga kepada tahap mendesak supaya diwujudkan semula Pejabat Hal Ehwal Borneo Utara (*Manila Times*, 2020; *ABS-CBN News*, 2020; *Daily Tribune*, 2020).

Penulisan artikel mengenai isu Sabah disampaikan dalam pelbagai gaya dan bentuk termasuklah berbaur provokasi dengan mengaitkan kepentingan menuntut semula Sabah serta maruah Filipina. Dalam kolum khas bertajuk “*Solidarity for Sovereignty*”, Ado Paglinawan telah mencadangkan strategi baharu bagi menuntut Sabah iaitu dengan menggunakan hubungan tributari yang pernah wujud di antara Kesultanan Sulu dengan kerajaan China pada tahun 1405. Dengan berpandukan kepada peta lama yang dikeluarkan oleh kerajaan China, beliau menegaskan bahawa Sultan Sulu boleh memanfaatkan alternatif tersebut untuk menuntut Sabah dengan syarat Republik Filipina perlulah mengubah bentuk kerajaannya terlebih dahulu kepada sistem kerajaan persekutuan (federal) (*Sovereign*, 2020). Dalam masa yang sama, beliau turut menuntut supaya Presiden Rodrigo Duterte menunaikan janji yang telah dibuatnya ketika Pilihan Raya Presiden Filipina pada tahun 2016 untuk menuntut kembali Sabah (*Sovereign PH*, 2020). Pelbagai artikel lain telah diterbitkan secara atas talian dalam laman sesawang seperti *Manila Times*, *ABS-CBN News*, *Daily Tribune* dan banyak lagi. Menurut seorang pakar geostrategi Azmi Hassan, pihak Istana Malacañang Filipina telah menggunakan strategi baharu untuk mewujudkan perbalahan dan perpecahan antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dengan mengeksploitasi isu Perjanjian Malaysia 1963 (*Khmer Times*, 2019). Ia dilakukan dengan memanipulasi isu-isu yang timbul berkaitan pertikaian antara kerajaan Negeri Sabah dan kerajaan persekutuan berhubung 20 Perkara dalam Perjanjian Malaysia 1963. Isu kegagalan kerajaan pusat menunaikan janji dalam perjanjian tersebut telah dimanipulasi kerajaan Filipina sekaligus menunggu waktu yang sesuai

untuk mengambil kesempatan untuk menuntut kembali Sabah (*Khmer Times*, 2019).

Dalam analisis yang lain oleh Bunn Nagara, isu tuntutan ke atas Sabah berlanjutan selama bertahun-tahun kerana ia dianggap sebagai isu nasional dan isu yang melibatkan emosi rakyat Filipina serta sering dikaitkan dengan sentimen pengundi. Permainan emosi ini menurutnya telah menyebabkan mereka terlupa tentang fakta sejarah dan realiti undang-undang (*Khmer Times*, 2019). Pelbagai saluran digunakan untuk menyampaikan mesej tersebut sama ada melalui saluran rasmi mahupun tidak rasmi, formal dan tidak formal. Penggunaan pelbagai saluran dan pendekatan tersebut adalah bertujuan mewujudkan kesedaran massa dan meluruskan kembali naratif awam berkaitan sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah (*Business Mirror*, 2021). Apabila wujud persetujuan dan sokongan daripada semua lapisan masyarakat, maka semakin tinggilah tekad atau keazaman “*political will*” bagi mendapatkan kembali Sabah. Dalam perkembangan tersebut, kenyataan Locsin dalam mesej *Twitter* pertamanya turut disokong oleh Presiden Dewan Senat Filipina, Tito Sotto dengan menyatakan:

*As far as I know, even until recently, the heirs of the Sultanate of Sulu had been receiving rental payments for the occupancy of Sabah. Sulu is (part of the Philippines). The DFA (Department of Foreign Affairs) has details (Manila Bulletin, 2020).*

Mesej tersebut turut dimuatnaik menerusi akaun *Twitter*nya. Sebagai respons terhadap tindakan tidak rasmi diplomat Filipina menyuarakan tuntutan ke atas Sabah, Malaysia telah menghantar nota bantahan kepada kerajaan Filipina dengan menegaskan pendiriannya bahawa ia tidak pernah mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas Sabah. Dalam nota yang dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres, Malaysia turut menegaskan:

*The Government of Malaysia categorically rejects the excessive maritime claims arising from the Kalayaan Island Group as asserted by the Republic of the Philippines as they have not conformed to Part IV of UNCLOS 1982 and have no basis under the international law (Manila Bulletin, 2020).*

Bantahan Malaysia itu sama sekali tidak diendahkan oleh ahli-ahli politik Filipina yang telah sekian lama menunggu masa untuk mengaktifkan kembali polisi tuntutan ke atas Sabah. Wakil Lanao del Norte, Mohamad Khalid Dimaporo misalnya turut mendesak *Department of Foreign Affairs* (DFA) untuk memaklumkan kepada Kongres mengenai

status tuntutan Filipina ke atas Sabah (*Manila Bulletin*, 2019). Dimaporo menegaskan bahawa Sabah adalah termasuk dalam sempadan wilayah Filipina berdasarkan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tertinggi Filipina (*Supreme Court*) pada 16 Julai 2011. Terdahulu, Ketua Jawatankuasa Dewan Hal Ehwal Mindanao mengemukakan Resolusi Dewan No. 59, yang meminta DFA untuk memberikan penjelasan kepada Dewan Perwakilan mengenai perkembangan tuntutan ke atas Sabah demi kepentingan rakyat Filipina yang tinggal di sana (*Manila Bulletin*, 2019). Ironinya dalam permintaan tersebut, tuntutan juga dibuat agar Kongres dapat memastikan kebajikan dan keperluan rakyat Filipina terbelas dan dalam masa yang sama ia mestilah tidak sedikitpun mengurangi usaha untuk menuntut Sabah daripada kerajaan Malaysia. Presiden Duterte juga menuntut layanan yang lebih baik diberikan kepada rakyatnya yang berada di Malaysia (*Balita.com*, 2020). Dalam perkembangan yang sama, ketika perbincangan mengenai *Organic Law* yang menyentuh tentang wilayah Bangsamoro sedang hangat dibahaskan, Dimaporo turut mendesak kerajaan Filipina agar memasukkan Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah Bangsamoro yang sedang dibentuk.

Berikutan daripada desakan bertali arus daripada ahli politik dan pengamal media tempatan, satu usul telah dibawa ke peringkat tertinggi supaya dihidupkan kembali Pejabat Hal Ehwal Borneo Utara, DFA setelah kerajaan Malaysia memfailkan bantahan diplomatik bagi menolak tuntutan Filipina ke atas Sabah (*Philstar Global*, 2020). Pejabat tersebut telah ditubuhkan sejak era pentadbiran Presiden Diosdado Macapagal lagi yang secara khusus berfungsi untuk membuat kajian berkaitan Borneo Utara (Sabah) sekali gus membuat perancangan serta langkah-langkah menuntut Sabah. Menariknya pada kali ini, antara faktor yang mendorong pemimpin tertinggi Filipina mengusulkan tindakan untuk mengaktifkan kembali fungsi Pejabat Hal Ehwal Borneo Utara adalah berpunca daripada sikap tidak percaya mereka terhadap diplomat mereka sendiri khususnya yang berada di Malaysia. Menurut Locsin, “*Leaving it to diplomats is not enough to safeguard the national interest in the matter. There’s the additional temptation to feel welcome in the host country*” (*CNN Philippines*, 2020).

Dorongan untuk menuntut kembali Sabah bertambah kuat apabila pada 20 Ogos 2020 Jawatankuasa Dewan Hal Ehwal Luar Negeri telah



meluluskan rang undang-undang bagi percetakan peta negara yang merangkumi 322 kilometer Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan Sabah pada pasport warganegara Filipina (*GMA News Online*, 2020). Ahli Perwakilan Bandar Cagayan de Oro, Rufus Rodriguez menjelaskan bahawa percetakan peta negara pada dokumen perjalanan itu bertujuan untuk “*emphasize and insist*” kemenangan Filipina di Laut Filipina Barat atau Laut China Selatan ke atas Republik China di *Permanent Court of Arbitration* di Hague, Belanda serta hak undang-undang dan sejarahnya ke atas Sabah (*GMA News Online*, 2020). Rodriguez turut menegaskan, “*The inclusion of the map on our travel document is a strong statement that we are asserting our sovereign rights over the West Philippine Sea and our EEZ*” (*GMA News Online*, 2020). Sebagai reaksi terhadap isu percetakan peta tersebut, Dewan Negara Malaysia telah membahaskan usul tergepar di bawah Peraturan Mesyuarat 17 (1). Dalam perbahasan tersebut, Senator Adrian Lasimbang menyuarakan pendiriannya bahawa tindakan Filipina tersebut merupakan satu tindakan provokatif yang cuba menggugat dan mencabar kedaulatan undang-undang Malaysia dan Sabah sekaligus menuntut supaya kerajaan Malaysia menghalang kemasukan warga Filipina ke Malaysia yang menggunakan dokumen perjalanan baharu tersebut (Berita Harian, 2020). Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam kenyataannya mengenai perkembangan tersebut telah menegaskan, “*We will not bow to this claim. Sabah remains in Malaysia and it is an integral part of our country. There should be no attempts to take Sabah out of Malaysia or attempts by anyone to claim Sabah as part of their region.*”

Sementara itu, dalam salah satu pandangan yang dikemukakan oleh kolumnis akhbar Filipina, Rene Saguisag, beliau mencadangkan supaya kerajaan Filipina mengadakan rundingan mengenai Sabah dengan tujuan seolah-olah ingin mengadakan kompromi dengan kerajaan Malaysia (*The Manila Times*, 2020). Ia dilakukan bagi melengahkan masa sehingga Filipina mendapat ruang dan peluang terbaik serta posisi yang strategik bagi mendapatkan kembali Sabah. Pada saat itu, kerajaan Malaysia akan mula menyedari bahawa ia sudah terperangkap dengan “permainan” dan perancangan Filipina untuk mendapatkan Sabah. Saguisag juga turut mencadangkan agar Filipina tidak terburu-buru membuat keputusan, apatah lagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.

Jelasnya berdasarkan perkembangan tersebut, meskipun Filipina sejak di zaman pentadbiran Presiden Corazon Aquino telah mengabaikan tuntutan ke atas Sabah dan selanjutnya diperkukuhkan lagi polisi tersebut di bawah pentadbiran Presiden Fidel V. Ramos, namun ia tidak dapat sepenuhnya menghalang mana-mana ahli politik atau diplomat untuk mempertikaikan kedaulatan Sabah di bawah Malaysia. Dengan penggunaan media sosial yang semakin meluas dalam kalangan diplomat dan pegawai tinggi kerajaan, apa-apa sahaja isu diplomatik boleh dimuatnaik di media sosial dan mendapat liputan yang meluas dari masyarakat awam. Propaganda ini kemudiannya menyebabkan pihak-pihak yang berketentingan mendesak supaya Filipina mengkaji semula polisi tuntutannya ke atas Sabah dengan mengambil langkah-langkah yang lebih serius untuk menuntut Sabah.

#### RETORIK PENGHUJAHAN TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

Provokasi yang dicituskan oleh Locsin bukan satu perkara yang asing bagi perjuangan politik keluarganya. Hal ini kerana, ayahnya sendiri Teodoro Locsin Sr., merupakan ahli politik pada zaman Presiden Marcos yang lantang menuntut Sabah. Locsin menjelaskan, “*The Philippines will certainly never give up Sabah as the country has the legal ownership and sovereignty*” (*PhilStar Global*, 2020). Dalam penghujahan yang dikemukakan mengenai tuntutan ke atas Sabah, kebanyakan ahli politik Filipina hanya mengulangi penghujahan yang sama seperti pemimpin politik terdahulu tanpa sebarang penambahan bukti sokongan yang baharu. Dalam mesej *Twitter*nya, Locsin memuatkan kenyataan:

*The Philippines will not abandon its territorial claim over Sabah despite aggressive financial offers. He said there have been “repeated offers” in the past involving huge amounts of money for the Philippines to drop its claims over Sabah, formerly known as North Borneo... As a matter of history there have been repeated offers to abandon our Sabah claim from aspiring presidential candidates since the late 1970s, usually opposition because they are most in need of campaign funds but administration as well. Don’t even dream of it.* (*CNN Philippines*, 2020; *PhilStar*, 2020).

Kenyataan Locsin tersebut jelas merupakan tuduhan palsu yang sengaja dicipta bagi menimbulkan perasaan tidak senang dalam kalangan penduduk Filipina sekaligus menanam kebencian terhadap kerajaan Malaysia. Malaysia

sama sekali tidak pernah membuat tawaran wang tunai (*lump-sum*) secara rasmi atau tidak rasmi agar Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Namun, tuntutan supaya Malaysia membayar sejumlah bayaran ganti rugi atau pampasan yang besar datang daripada permintaan kerajaan Filipina sendiri. Antara tuntutan bayaran pampasan terawal yang pernah dituntut oleh kerajaan Filipina ialah pada tahun 1952. Ia berikutan daripada Resolusi No. 42 yang diluluskan dalam Persidangan Kongres Filipina yang mengisytiharkan Borneo Utara sebagai milik Filipina. Dalam pindaan resolusi tersebut pada tahun 1952, ia mencadangkan supaya kerajaan Filipina membeli hak dan pemilikan waris-waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara dan meminta bayaran pampasan pajakan yang diberikan kepada *British North Borneo Company* (Dizon, 1978). Selanjutnya ialah tuntutan bayaran ganti rugi sebanyak £10 juta oleh Nicasio Osmena ketika pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman di Tanah Melayu. Nicasio Osmena merupakan anak kepada bekas Presiden Filipina, Sergio Osmena serta peguam kepada waris-waris Sultan Sulu berkaitan isu tuntutan ke atas Sabah.

Dalam pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman tersebut, Osmena cuba mempengaruhi Tunku Abdul Rahman untuk terlibat dalam rancangannya. Sebagai balasan, beliau menawarkan Tunku sejumlah amaun bayaran ganti rugi tersebut sebanyak £1 juta. Setelah mengetahui perancangan tersembunyi Osmena yang telah menubuhkan syarikat komersial bertujuan untuk mengeksploitasi bayaran ganti rugi daripada kerajaan British, Tunku Abdul Rahman akhirnya mengarahkan Osmena untuk segera meninggalkan Tanah Melayu dalam tempoh 48 jam (DO 169/133). Nicasio Osmena juga turut menuntut bayaran ganti rugi sebanyak £10 juta dari Kerajaan British namun tidak dilayan (DO 169/127). Bayaran yang cuba diselesaikan oleh kerajaan Malaysia hanyalah berkaitan isu "*proprietary rights*" waris-waris Sultan Sulu, bukannya bayaran pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Selanjutnya, dalam kenyataan yang lain, Locsin menjelaskan "*The Filipino public must know that what is on offer is huge so the temptation to betray is commensurately humongous... the offers were made to presidential candidates*" (*PhilStar Global*, 2020). Menerusi kenyataan ini, Locsin secara terang-terangan telah mendakwa kerajaan Malaysia cuba memberikan rasuah kepada calon-calon presiden Filipina agar menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dengan menawarkan sejumlah wang yang besar

sebagai balasan pengguguran tersebut. Dakwaan yang tidak berasas tersebut menggambarkan situasi Filipina yang berhadapan dengan jalan buntu untuk mendapatkan Sabah. Hakikatnya, resolusi Majlis Jawatankuasa Khas, *Foreign Relations* pada 8 Disember 1987 telah meluluskan cadangan ahli perwakilan, Jose de Venecia yang meminta supaya Kerajaan Malaysia membayar sejumlah US\$3.3 bilion atau \$8.25 bilion sebagai balasan kepada tindakan Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah (*New Straits Times*, 1987). Presiden Aquino sendiri turut menolak cadangan tersebut sementara Setiausaha Luarnya, Raul Manglapus menyifatkan cadangan tersebut sebagai sangat baik namun tidak realistik.

Satu maklumat penting yang tidak dinyatakan oleh ahli politik dan media Filipina dalam mana-mana saluran ialah mengenai kenyataan bahawa kerajaan Filipina sendiri ketika dalam fasa kedua pentadbiran Presiden Marcos, telah secara rasminya mengumumkan pengguguran tuntutan ke atas Sabah. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1977 dalam persidangan ASEAN. Kenyataan Marcos untuk menggugurkan Sabah itu walaupun tidak disusuli dengan tindakan konkrit penggubalan polisi pengguguran, namun ia menunjukkan bahawa, kerajaan Filipina sendiri pernah menyuarakan secara rasmi pengguguran tuntutan ke atas Sabah. Oleh yang demikian, dakwaan Locsin dan pemimpin politik Filipina yang lain bahawa Filipina tidak pernah menyuarakan hasrat mengugurkan tuntutan adalah tidak benar. Selepas pengumuman pengguguran tuntutan ke atas Sabah semasa pentadbiran Marcos, serta di bawah era Presiden Aquino dan Fidel Ramos, media tempatan dan ahli politik Filipina secara terbuka mengkritik tindakan semua presiden tersebut, dan mendakwa bahawa pengguguran tuntutan itu bercanggah dengan Perlembagaan Filipina dan tidak patut diiktiraf.

Fakta mengenai pengguguran tuntutan ke atas Sabah ketika zaman pentadbiran Presiden Marcos pada tahun 1977 juga tidak dinyatakan dalam "*capsule history*" yang dilaporkan oleh kolumnis Rene Saguisag dalam akhbar *The Manila Times* pada 4 September 2020. Kebanyakan penulisan mengenai sejarah tuntutan ketika era Marcos berkisar tentang polisi iredentisme Filipina sebelum tahun 1977 dan tidak menyentuh sama sekali mengenai polisi pengguguran tuntutan yang cuba diketengahkan oleh Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos. Hal yang demikian dilakukan bagi mengelakkan tanggapan bahawa Filipina tidak jelas

dalam pendiriannya terhadap Sabah serta masih tidak yakin dengan bukti dan hujah tuntutan.

Ironinya, Saguisag turut menyatakan kepentingan penentuan nasib sendiri (*self-determination*) penduduk Sabah yang dikatakan perlu diberikan perhatian (*The Manila Times*, 2020). Oleh yang demikian, Filipina menurutnya perlu mempamerkan contoh dan model terbaik kepada penduduk Sabah agar mereka bersedia untuk bersama-sama dengan Filipina. Saguisag walau bagaimanapun telah mengabaikan fakta bahawa proses "*self-determination*" tersebut sudah lama dilaksanakan ke atas penduduk Sabah iaitu sebelum kerajaan Persekutuan Malaysia dibentuk lagi. Dalam keputusan tinjauan oleh Suruhanjaya Cobbold pada tahun 1962, jelas menunjukkan bahawa penduduk Sabah bersetuju untuk sama-sama membentuk Malaysia. Saguisag juga turut mengabaikan fakta bahawa kerajaan Filipina yang tidak bersetuju dengan keputusan Suruhanjaya Cobbold tersebut telah mendesak agar diadakan tinjauan semula ke atas penduduk Sabah oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Presiden Macapagal yang turut tidak berpuas hati dengan laporan Suruhanjaya Cobbold menggesa supaya tinjauan kali kedua dilakukan menerusi badan khas yang dilantik oleh PBB.

Dalam tinjauan kali kedua yang diadakan pada 16 Ogos hingga 5 September 1963, sekali lagi keputusan memihak kepada Malaysia apabila penduduk Borneo Utara dan Sarawak bersetuju dengan dengan rancangan pembentukan Malaysia. Hal yang sama turut ditegaskan oleh hakim *International Court of Justice (ICJ)*, Thomas Frank pada 23 Oktober 2001, bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak boleh diteruskan terutamanya setelah penduduk di wilayah yang dipertikaikan menggunakan hak mereka untuk menentukan nasib sendiri sesuai dengan undang-undang antarabangsa. Menurut Thomas Frank lagi:

*Modern international law does not recognize the survival of a right of sovereignty based solely on historic title: not in any event, after an exercise of self-determination conducted in accordance with the requisites of international law, the bona fides of which has received international recognition by the political organs of the United Nations. (Inquirer.net, 2020)*

Jelas berdasarkan kenyataan tersebut, Republik Filipina tidak memiliki asas yang jelas untuk menuntut Sabah di bawah undang-undang antarabangsa. Sekiranya prinsip "*self-determination*" dianggap sebagai satu perkara yang penting, maka sewajarnya Filipina menerima

kenyataan bahawa penduduk Sabah dengan rela hati telah bersetuju untuk sama-sama membentuk Malaysia. Sebaliknya, wartawan dan ahli politik Filipina bersikap selektif dalam melaporkan sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah. Tambahan lagi, terdapat individu yang cuba "menangguk di air keruh" dengan membuat pelbagai dakwaan palsu terhadap Malaysia dengan mengaitkan dengan pelbagai isu lain. Antaranya termasuklah kenyataan yang dikeluarkan oleh bekas Senator Filipina, Joseph Victor Gomez Ejercito atau lebih dikenali sebagai JV Ejercito Estrada. Ejercito yang juga merupakan anak kepada bekas Presiden Filipina ke-13 Filipina, Joseph Estrada telah mengeluarkan kenyataan, "*They also are allegedly secretly supporting the terrorists in the South. I suspect that a lot of funding and arms of these bandits coursed through Malaysia*" (Al-Jazeera, 2020). Dakwaan tersebut yang bertujuan untuk mencetuskan provokasi di tengah-tengah kemuncak pertikaian ke atas Sabah antara Filipina dan Malaysia turut disokong oleh Teodoro Locsin Jr. dengan menyiarkan semula mesej di *Twitter* miliknya. Menurut Locsin lagi, tentera Filipina tidak pernah melupakan tindakan Malaysia yang dikatakan memberi bantuan kewangan kepada gerakan pemisah di Selatan Filipina (Al-Jazeera, 2020). Kenyataan Ejercito dan Locsin tersebut bersifat berat sebelah kerana mengabaikan bantuan dan sumbangan kerajaan Malaysia dalam konflik di selatan Filipina. Malaysia berperanan penting sebagai juru damai dalam rundingan damai antara Republik Filipina dengan *Moro Islamic Liberation Front (MILF)* sehingga membawa kepada kewujudan kerajaan Bangsamoro pada hari ini. Malaysia telah memainkan peranan yang amat instrumental dalam kejayaan perjanjian damai yang ditandatangani di era Presiden Benigno Aquino III dan seterusnya di bawah kepimpinan Presiden Rodrigo Duterte. Buktinya, Malaysia terlibat secara rasmi sebagai fasilitator dalam perjanjian damai Bangsamoro dengan Republik Filipina sehingga membawa kepada temeterainya Perjanjian Komprehensif Berkaitan Bangsamoro (CAB) dan kejayaan penubuhan kerajaan *Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao (BARMM)* pada tahun 2019.

Ahli-ahli akademik Filipina turut tidak ketinggalan dalam menyuarakan pandangan mengenai isu yang ditimbulkan oleh Locsin. Antaranya termasuklah Julkipli Wadi, bekas dekan *Institute of Islamic Studies, University of the Philippines*. Beliau mengaitkan kenyataan

Ketua Menteri Sabah pada ketika itu, Shafie Apdal yang menggesa supaya kerajaan Malaysia segera menyelesaikan isu tuntutan ke atas Sabah melalui rundingan dengan Filipina menerusi pertubuhan ASEAN yang jelas bercanggah dengan pendirian kerajaan persekutuan Malaysia. Kerajaan Malaysia sejak dari awal lagi sudah menegaskan pendiriannya bahawa isu Sabah sudah lama selesai dan tiada lagi rundingan yang boleh dilakukan. Julkipli Wadi dalam komennya mengenai perkembangan tersebut menggunakan sentimen etnik dan latar belakang keluarga Shafie Apdal dengan menjelaskan bahawa meskipun beliau dilahirkan di Sabah, namun ibu bapanya berasal dari Kepulauan Sulu justeru beliau lebih mengetahui sejarah yang sebenar (*South China Morning Post*, 2020). Julkipli Wadi bagaimanapun tidak pula memetik secara menyeluruh kenyataan Shafie Apdal yang dengan tegas menyatakan bahawa isu tuntutan tersebut wajar dihapuskan sepenuhnya memandangkan segala-galanya sudah tertulis dan dimuktamadkan menerusi Suruhanjaya Cobbold dan penubuhan Persekutuan Malaysia (*TTG Asia*, 2020). Menurutnyanya lagi, terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab cuba menggunakan isu tersebut untuk memecahbelahkan penduduk Sabah dan rakyat Malaysia sekali gus menegaskan agar rakyat Malaysia terus Bersatu (*The Star*, 2020).

Selain menggunakan kaedah penghujahan yang bersifat selektif mengenai sejarah dan asas tuntutan ke atas Sabah, media dan ahli politik Filipina juga amat berhati-hati dalam menggunakan istilah-istilah yang merujuk kepada isu pertikaian tersebut. Pemimpin politik Filipina menegaskan penggunaan istilah yang memihak kepada Filipina. Hal ini amat penting kerana penggunaan istilah yang salah atau kurang tepat boleh mendatangkan prejudis terhadap kes tuntutan mereka, manakala penggunaan istilah yang memihak kepada mereka boleh memberikan naratif yang menyedarkan golongan media dan masyarakat antarabangsa bahawa Sabah pada hakikatnya masih milik Filipina namun ia telah “dirampas” oleh pihak British dan Persekutuan Tanah Melayu kemudiannya. Pemilihan istilah dilihat sangat penting kerana ia boleh memberikan konotasi dan tanggapan yang memihak kepada mereka atau sebaliknya. Misalnya, Locsin telah menyanggah satu laporan yang dikeluarkan mengenai Filipino yang berada di Sabah sebagai “*repatriates*”, namun sebaliknya, ia sepatutnya dirujuk sebagai “*transferees*”. Menurutnyanya lagi, “*what is important therefore is to say call them transferees, not repatriates. They’re not being repatriated; they’re just being transferred*” (*PhilStar Global*, 2020).

Dalam kenyatannya, Locsin juga menegaskan, “*now, what’s important to stress here is they should be careful with their language*” (*PhilStar Global*, 2020). Demikian juga halnya apabila media Filipina berterusan menggunakan istilah “*bayaran sewa*” sebagai merujuk kepada bayaran tahunan yang dibayar oleh kerajaan Malaysia kepada waris-waris Sultan Sulu (*Manila Times*, 30 Ogos 2020).

## KESIMPULAN

Polisi tuntutan Filipina ke atas Sabah meskipun telah diabaikan sejak pentadbiran Presiden Corazon Aquino, namun pelbagai provokasi telah ditimbulkan oleh pengamal media tempatan dan ahli politik Filipina bagi menghidupkan kembali tuntutan ke atas Sabah menerusi pelbagai saluran media. Seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi semasa, pertikaian dan perbincangan mengenai Sabah telah diperluaskan lagi menerusi saluran media atas talian serta platform tidak rasmi seperti media sosial. Penggunaan media sosial dan akhbar atas talian yang lebih mudah diakses dan mempunyai rangkaian yang lebih meluas telah memudahkan lagi proses penyebaran provokasi dan propaganda mengenai Sabah. Pelbagai mesej dan keterangan palsu mengenai Sabah disebar untuk menarik perhatian pembaca sekali gus menyegarkan kembali memori sejarah tuntutan ke atas Sabah khususnya di era pentadbiran Presiden Diosdado Macapagal dan Presiden Ferdinand Marcos.

Jika sebelum teknologi komunikasi berkembang, segala pandangan pemimpin tertinggi negara disuarakan oleh pihak ketiga melalui akhbar, majalah, penerbitan rasmi atau kenyataan rasmi oleh pihak kerajaan. Namun, dalam era digital, pemimpin tertinggi negara bebas mengeluarkan kenyataan dan pandangan peribadi mereka secara terbuka serta tanpa tapisan di media sosial. Perkongsian pandangan secara terbuka oleh pegawai tinggi kerajaan dalam media sosial telah memberikan impak yang signifikan dalam dinamika hubungan antarabangsa. Walaupun teknologi komunikasi moden membolehkan mereka menyuarakan pandangan secara bebas, namun tindakan tersebut sering kali mencetuskan ketegangan dan suasana kurang senang dalam kalangan masyarakat tempatan dalam negara mahupun antara negara yang sedang berkonflik. Jelasnya, kenyataan-kenyataan peribadi pemimpin negara boleh memberikan kesan besar terhadap kestabilan geopolitik dan hubungan antara negara.

Dalam kaitan ini, meskipun Filipina sememangnya masih belum menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah, namun kerajaan Filipina telah melaksanakan polisi mengabaikan isu tuntutan tersebut demi kelangsungan kerjasama sosioekonomi yang efektif dengan kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian, hubungan bilateral antara Malaysia dan Filipina yang telah berjaya diharmonikan sejak zaman Presiden Corazon Aquino sewajarnya terus dipertahankan oleh kedua-dua pihak. Pandangan-pandangan peribadi yang bukan mewakili kenyataan rasmi pihak kerajaan tidak sewajarnya disuarakan secara tidak berhemah oleh mana-mana pegawai tinggi kerajaan di media sosial bagi mengelakkan sebarang pertikaian yang hanya membazirkan masa dan tenaga kedua-dua kerajaan. Penting bagi negara-negara berkaitan untuk mengambil kira impak ekonomi dan politik yang mungkin timbul akibat daripada tindakan tidak berhemah dalam menyuarakan pandangan terutamanya apabila ia bercanggah dengan pendirian dan kepentingan semasa negara. Hal ini seperti mana yang dijelaskan oleh jurucakap Presiden Filipina, Harry Roque yang menegaskan isu tuntutan itu akan terus kekal dorman dan kerajaan Filipina akan terus menjaga “kemesraan” hubungan bilateralnya dengan Malaysia.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Jangka Pendek (No. Projek: 304/PJJAUH/6315766) daripada Universiti Sains Malaysia.

#### RUJUKAN

- Archetti, C. 2012. The Impact of New Media on Diplomatic Practice: An Evolutionary Model of Change. *The Hague Journal of Diplomacy* 7: 181-206.
- Al-Jazeera*. 2020. Malaysia, Philippines in war of words over Sabah claim. 30 Julai. <https://www.aljazeera.com/news/2020/07/30/malaysia-philippines-in-war-of-words-over-sabah-claim/>. Diakses pada 3 September 2020.
- Bjola, C. dan Holmes, M. 2015. *Digital Diplomacy: Theory and Practice*. London: Routledge.
- Balita.com*. 2020. Duterte Appeals to Malaysia to Help Filipinos ‘in Your Countries’. 15 September. <https://balita.com/duterte-appeals-to-malaysia-to-help-filipinos-in-your-country/>. Diakses pada 15 Disember 2020.
- Berita Harian*. 2020. Tuntutan Filipina ke atas Sabah dibahas di Dewan Negara. 7 September. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/728858/tuntutan-filipina-ke-atas-sabah-dibahas-dewan-negara>. Diakses pada 20 November 2020.
- CNN Philippines*. 2020. Don’t Even Dream of it: Foreign Affairs Chief Unfazed by Alleged Financial Offers to Drop Sabah Claim. 31 Ogos. <https://www.cnnphilippines.com/news/2020/8/31/Philippines-Malaysia-Sabah-offer-claim-Loecin.html>. Diakses pada 13 September 2020.
- Cardona, A. 2020. Malaysia ‘still willing’ to Negotiate for Sabah. *Daily Tribune*, 4 September. <https://tribune.net.ph/index.php/2020/09/04/malaysia-still-willing-to-negotiate-for-sabah/>. Diakses pada 28 September 2020.
- Duncombe, C. 2017. Twitter and Transformative Diplomacy: Social Media and Iran–US Relations. *International Affairs*, 93 (3).
- Dalrymple, A. 1774. *A Full and Clear Proof that the Spaniards Can Have No Claim to Balambangan*. London: Brotherton and Sewell.
- Dizon, J. S. 1978. *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration, 1961-1965*. USA: The American University.
- Gilboa, E. 2000. Mass Communication and Diplomacy: A Theoretical Framework. *Communication Theory*, 10 (3).
- Garcia, M. A. 2020. House panel approves printing of Philippine map, EEZ, Sabah on passports. *GMA News Online*, 21 Ogos. <https://www.gmanetwork.com/news/news/nation/752355/house-panel-approves-printing-of-philippine-map-eez-sabah-on-passports/story/>. Diakses pada 30 Ogos 2020.
- Hallare, K. 2020. Malaysia Issues Note Verbale, Rejects PH’s Claim on Sabah. *Inquirer.net*, 29 Ogos. <https://globalnation.inquirer.net/190497/malaysia-issues-note-verbale-rejects-phs-claim-on-sabah#ixzz6YXTrLXrS>. Diakses pada 10 September 2020.
- Ismael, J. J. 2020. PH has No Right to Sabah. *Manila Times*, 30 Ogos. <https://www.manilatimes.net/2020/08/30/news/headlines/ph-has-no-right-to-sabah/760967/>. Diakses pada 5 November 2020.
- Kadir, N. 2016. Tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam hubungan Filipina-Malaysia. Ph.D Thesis, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khmer Times*. 2019. Philippines accused of trying to pry away Malaysia’s Sabah. 13 September. <https://www.khmertimeskh.com/50643097/philippines-accused-of-trying-to-pry-away-malaysias-sabah/>. Diakses pada 20 November 2019.
- Low, H. 1880. Selesilah (Book of the Descent of the Rajas of Brunei). *JSBRAS: Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 5.

- Lee-Brago, P. 2020. DFA seeks to revive Office of North Borneo Affairs. *PHILSTAR Global*, 1 September. <https://www.philstar.com/headlines/2020/09/01/2039316/dfa-seeks-revive-office-north-borneo-affairs>. Diakses pada 27 September 2020.
- Luci-Atienza, C. 2019. Mindanao Solon Wants Congress to be Appraised of Status of PH's Claim over Sabah. *Manila Bulletin*, 13 Desember. <https://mb.com.ph/2019/12/13/mindanao-solon-wants-congress-to-be-appraised-of-status-of-phs-claim-over-sabah/>. Diakses pada 26 Desember 2019.
- Loo, S. P. G. 1997. *The Corregidor Incident, 1968*. Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan. Singapore: History Department, National University of Singapore.
- Manila Times*. 2020. 'Sulu Sultan' not giving up Sabah claim. 3 September. <https://www.dailyexpress.com.my/news/157800/sulu-sultan-not-giving-up-sabah-claim/>. Diakses pada 11 Oktober 2020.
- Merez, A. 2020. Sabah belongs to Philippines, says Palace as dormant territorial dispute put on spotlight. *ABS-CBN News*, 30 Julai. <https://news.abs-cbn.com/news/07/30/20/sabah-belongs-to-philippines-says-palace-as-dormant-territorial-dispute-put-on-spotlight>. Diakses pada 11 Desember 2020.
- Mercene, R. 2021. Sabah: PHL's 'lost' Land of Promise? *Business Mirror*, 14 Mac. <https://businessmirror.com.ph/2021/03/14/sabah-phls-lost-land-of-promise/>. Diakses pada 21 Mei 2021.
- Noble, L. G. 1977. *Philippine Policy toward Sabah: A Claim to Independence*. Arizona: The University of Arizona.
- Nisperos, N. M. 1969. *Philippine Foreign Policy on the North Borneo Question*. United States: University of Pittsburgh.
- Naveh, C. 2002. The Role of the Media in Foreign Policy Decision-Making: A Theoretical Framework. *Conflict and Communication Online*, 1 (2).
- New Straits Times*. 1987. Decision on Sabah Claim Bill Put Off, 8 Desember.
- Othman, M. A. 1988. *Tuntutan Filipina terhadap Sabah, Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paglinawan, A. 2020. New strategy for Sabah recovery opens as Malaysia refuses to pay any more 'padjak'. *Sovereign PH*, 26 Julai. <https://sovereignph.com/2020/07/26/new-strategy-for-sabah-recovery-opens-as-malaysia-refuses-to-pay-any-more-padjak/>. Diakses pada 22 September 2020.
- Quintos, R. N. 1968. The Question of Sabah: Nationalism and the Claim to Sabah. *Solidarity*. Ogos.
- Ranjit Singh. 2003. *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Robles, R. 2020. Philippines Pursuing Sabah Claim Against Malaysia as 'we have not forgotten', Says Locsin. *South China Morning Post*, 17 September. <https://www.scmp.com/week-asia/politics/article/3101844/why-philippines-reviving-its-dispute-malaysia-over-sabah>. Diakses pada 25 November 2020.
- Seib, P. 2012. *Real-Time Diplomacy: Politics and Power in the Social Media Era*. New York: Palgrave Macmillan.
- Saguisag, R. 2020. Sabah Redux. *The Manila Times*, 4 September. <https://www.manilatimes.net/2020/09/04/opinion/columnists/topanalysis/sabah-redux/763539/>. Diakses pada 15 September 2020.
- Tarling, N. 1978. *Sulu and Sabah, A Study of British Policy towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- The Star*. 2020. Philippines' Claim on Sabah Needs to be Solved Once and for All by Federal Govt, says Shafie, 28 Ogos.
- Terrazola, V. E. 2020. Sotto Backs Locsin Over PH Sabah Claim. *Manila Bulletin*, 30 Julai. <https://mb.com.ph/2020/07/30/sotto-backs-locsin-over-ph-sabah-claim/>. Diakses pada 10 Ogos 2020.
- The National Archives*. Dominion Office. 1961-1962. DO 169/127, Sultan of Sulu Heirs' Claim to North Borneo.
- The National Archives*. Dominion Office. 1962. DO 169/133, Sultan of Sulu Heirs' Claim to North Borneo.
- TTG Asia*. 2020. Malaysia, the Philippines clash over disputed Sabah territory. 31 Ogos. <https://www.ttgasia.com/2020/08/31/malaysia-the-philippines-clash-over-disputed-sabah-territory/>. Diakses pada 19 November 2020.
- Unite, B. 2020. Malaysia Rejects PH Claim on Sabah Through Diplomatic Note. *Manila Bulletin*, 29 Ogos. <https://mb.com.ph/2020/08/29/malaysia-rejects-ph-claim-on-sabah-through-diplomatic-note/>. Diakses pada 18 November 2020.
- Wetzstein, I. 2010. Mediated conflicts: Capacities and limitations of 'mediative journalism' in public diplomacy processes. *The International Communication Gazette* 72 (6): 503-520.

Norizan Kadir  
 Pensyarah Kanan  
 Bahagian Sejarah  
 Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
 Universiti Sains Malaysia  
 11800 USM, Pulau Pinang  
 Malaysia.  
 E-mel: norizan.kadir@usm.my